

## Penduduk serah memorandum, desak campur tangan MB



Sebahagian wakil dari lima kampung yang hadir untuk menyerahkan memorandum bantahan.

SHAHALAM - Kira-kira 150 wakil dari lima kampung di sekitar Kuala Selangor hadir ke Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SUK) bagi menyerahkan memorandum bantahan projek pembinaan tanah perkuburan Cina di Kampung Felde Bukit Cerakah, semalam.

Memorandum yang turut mengandungi kira-kira 2,000 tandatangan penduduk kampung berkenaan diserahkan wakil mereka, Azhari Saein, 41, ke-

pada Ketua Setiausaha Sulit Menteri Besar, Mohd Shahrizal Mohd Salleh di lobi utama Bangunan SUK.

Azhari berkata, memorandum tersebut diserahkan berikutan tiada sebarang maklum balas pihak terbabit selepas demonstrasi dibuat minggu lalu.

“Penduduk kampung amat berharap supaya menteri besar segera tangani perkara ini,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Gerakan

Masyarakat Prihatin Selangor, S Hassan Kuthoos Syed Ahmed Kabeer berkata, bantahan pembinaan tanah perkuburan Cina yang dilakukan penduduk itu sepatutnya diambil perhatian serius kerana 95 peratus komposisi kaum di lima kampung terlibat adalah Melayu.

“Kami mahu kerajaan negeri perhalusi kerja dilakukan Majlis Daerah Kuala Selangor. Apa relevan bina jirat Cina di kampung tradisi Melayu yang dah bertapak 100 tahun ini,” katanya.

**BANTAH  
JIRAT CINA**